



SIARAN AKHBAR

AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM MENGADAKAN SEMINAR SEMPENA MENYAMBUT ULANGTAHUN PENUBUHANNYA YANG KE-10

Rizqun International Hotel, Bandar Seri Begawan
Rabu, 12 Zulkaedah 1442H bersamaan dengan 23 Jun 2021M

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan “AMBD 10th Anniversary (2011-2021) Seminar” pada hari Rabu, 12 Zulkaedah 1442H bersamaan dengan 23 Jun 2021M di Rizqun International Hotel, Bandar Seri Begawan.
2. Acara tersebut telah diadakan untuk meraikan ulangtahun penubuhan AMBD yang ke-sepuluh, serta pencapaian-pencapaian yang telah diraih sejak dekad pertama penubuhannya.
3. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku ahli Lembaga Pengarah AMBD. Turut hadir di acara tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD; Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi Kerajaan dan AMBD; serta orang awam yang telah dijemput.
4. Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan, AMBD di mana beliau menekankan peranan AMBD sebagai bank pusat Negara Brunei Darussalam yang kian meluas dan semakin kompleks sejak penubuhannya pada 1 Januari 2011 disebabkan landskap kewangan yang pesat berkembang. Beliau juga mengongsikan bahawa AMBD terus komited dalam menjalankan mandatnya untuk memastikan kestabilan monetari dan kewangan Negara Brunei Darussalam; dan usaha giat AMBD dalam mengembangkan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran sejak penubuhannya sebagai sebuah badan berkanun yang berautonomi, sehingga hari ini.
5. Acara kemudian diikuti dengan ucapan dari tetamu kehormat majlis. Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat Dato telah menyentuh mengenai pencapaian-pencapaian utama AMBD selaras dengan mandatnya. Yang Berhormat Dato kemudian mengongsikan sedikit sebanyak mengenai hala tuju AMBD ke arah autoriti monetari yang lebih dinamik, dan seterusnya menekankan pentingnya bagi AMBD untuk mengukuhkan peraturan dan piawaian yang berhemah, dan memastikan dasar-dasar AMBD adalah sesuai dan berkesan mengikut perubahan persekitaran sebagai persediaan untuk masa hadapan. Ini bukan sahaja akan dapat mendatangkan kebaikan kepada ekonomi, malahan juga kepada warga Negara Brunei Darussalam secara menyeluruh.
6. Acara seterusnya diikuti dengan ucap-tama oleh Dr Diwa Guinigundo, mantan Timbalan Gabenor, Bangko Sentral ng Pilipinas, Republik Filipina. Ucap-tama tersebut antaranya memperkenalkan

konsep *grey rhinos* – iaitu isu-isu besar yang seringkali diabaikan oleh penggubal dasar. Antara contoh-contoh yang dikongsikan adalah pandemik COVID-19; persekitaran kadar faedah yang sangat rendah; dan perkembangan FinTech. Isu-isu tersebut telah menyebabkan volatiliti dalam peraliran modal. Ucaptama tersebut juga menekankan keperluan bagi bank-bank pusat menambahbaik dasar-dasar yang sedia ada selaras dengan persekitaran ekonomi global yang kompleks.

7. Seminar tersebut diikuti dengan sebuah pembentangan bertajuk “AMBD: Our Objectives, Growth and Future” yang telah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Pemangku Penolong Pengarah Urusan, Perkembangan Korporat, AMBD, diikuti dengan sesi panel pertama yang bertemakan *Maintaining Efficient Payment Systems and Monetary Stability* yang diketuai oleh Yang Mulia Dayang Hajah Noorrafidah binti Haji Sulaiman, Timbalan Pengarah Urusan, Operasi Monetari/ Perkembangan dan Antarabangsa.
8. Sesi panel seterusnya yang bertemakan “*Safeguarding Financial Stability*”, telah diketuai oleh Yang Mulia Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Timbalan Pengarah Urusan, Regulatori dan Penyeliaan manakala sesi panel yang terakhir pula, “*Developing the Financial Sector*”, telah diketuai oleh Yang Mulia Awang Mardini bin Haji Eddie, Pemangku Penolong Pengarah Urusan, Operasi Monetari/ Perkembangan dan Antarabangsa, AMBD. Perbincangan bagi setiap sesi turut disertai oleh pihak pengurusan dan pegawai-pegawai AMBD sebagai ahli-ahli panel.
9. Video ucapan-ucapan tahniah bagi AMBD daripada mantan-mantan Pengarah Urusan AMBD iaitu Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Rosli bin Haji Sabtu dan Yang Mulia Awang Yusof bin Abd Rahman; serta gabenor-gabenor dari rantau ini termasuk Tuan Yang Terutama Chea Chanto, National Bank of Cambodia; Tuan Yang Terutama Perry Warjiyo, Bank Indonesia; Tuan Yang Terutama Sonexay Sitphaxay, Bank of The Lao PDR; Puan Yang Terutama Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus, Bank Negara Malaysia; Tuan Yang Terutama Than Nyein, Central Bank of Myanmar; Tuan Yang Terutama Benjamin E. Diokno, Bangko Sentral ng Pilipinas; Tuan Yang Terutama Ravi Menon, Monetary Authority of Singapore; Tuan Yang Terutama Sethaput Suthiwartnarueput, Bank of Thailand; dan Puan Yang Terutama Nguyen Thi Hong, State Bank of Vietnam juga turut ditayangkan.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 12 Zulkaedah 1442H / 23 Jun 2021M

Rujukan: AMBD/COMMS/3